

# 2021 N LEVEL MALAY PAPER 1

## GCE 'N' Level Malay Paper 1 (1197/1)

Duration: 2h


Total Marks: 60

**ARAHAN:** Jawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

### BAHAGIAN A (20 markah)

**Arahan:** Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada sahabat kamu. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

File Edit View Mail Data Source Help	
	
Daripada:	zane@kgoomail.com
Kepada:	imran@kgoomail.com
Tarikh:	01/09/2021
Subjek:	Memerlukan nasihat
<p>Imran,</p> <p>Apa khabar? Saya harap awak sihat sejahtera.</p> <p>Saya menulis e-mel ini kerana saya memerlukan nasihat awak. Baru-baru ini, saya telah bertengkar dengan rakan sekelas saya. Kami mempunyai pendapat yang berbeza tentang corak kemeja-T yang perlu kami reka untuk kelas kami. Selepas kejadian itu, rakan saya itu mula mempersendakan saya. Malah, dia turut menyebarkan perkara tidak benar tentang diri saya di media sosial. Saya berasa tertekan dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran saya. Apakah yang perlu saya lakukan? Fikiran saya buntu. Saya menantikan balasan e-mel awak.</p> <p>Terima kasih.</p> <p>Sahabatmu Zane</p>	

- 2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu dan keluarga kamu telah pergi ke sebuah pusat makanan. Sebaik sahaja kamu melangkah masuk, kamu terkejut apabila mendapati bahawa pusat makanan itu sangat kotor. Tempat duduknya juga tidak selesa kerana tidak dijaga dengan baik. Pengalaman kamu dan keluarga kamu di pusat makanan itu tidak menyenangkan.

Tulis e-mel kepada pengurus pusat makanan tersebut untuk menceritakan pengalaman kamu. Dalam e-mel itu, sarankan juga perkara-perkara yang boleh dilakukan untuk memperbaiki keadaan di pusat makanan itu agar pengunjung dapat menikmati keselesaan dan pengalaman yang memuaskan.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: aina@kgoomail.com

Alamat penerima: pengurus@pusatmakananria.com

### **BAHAGIAN B (40 markah)**

- Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Faedah-faedah mempunyai teman yang berbilang bangsa.
- 4 Sikap toleransi mewujudkan hidup berjiran yang harmoni. Berikan pendapat kamu.
- 5 Kamu memang seorang yang berjimat cermat ketika berbelanja. Namun, baru-baru ini, wang sejumlah \$1500 yang kamu simpan selama setahun telah kamu belanjakan untuk membeli sesuatu yang kamu anggap berfaedah. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu terhadap perbuatan kamu itu.
- 6 Tuliskan sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut :
- Razi membuka pakej yang terletak di atas mejanya. Dia tidak tahu siapa yang telah menghantarkan pakej itu kepadanya. ...